

# "A CLEANER COAST, A CLEANER FUTURE"

**Aiza Johari, Adib Sarkawi dan Dr Azlina Bujang**

Pada 12 dan 13 Januari 2024, para pelajar yang mengambil kod kursus HPD221 Public Speaking II yang merupakan salah satu kod kurikulum di bawah Unit Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan satu program khidmat komuniti yang bertemakan pemeliharaan alam sekitar yang diberi nama 'A Cleaner Coast, A Better Future' bertempat di Kampung Santubong, Sarawak. Program ini melibatkan kerjasama antara Unit Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Sarawak (UiTM), P193 Santubong dan PPSEAWA Sarawak Chapter.

Seramai 30 pelajar dari Kampus Samarahan dan Kampus Samarahan 2, UiTM Cawangan Sarawak dan 3 orang kakitangan akademik iaitu Puan Hajah Aiza binti Johari, Dr Abang Fhaeizdhyall bin Abang Madaud, pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa dan Encik Adib bin Sarkawi, pensyarah kanan dari Jabatan Sains Komputer, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik antara mereka yang menjadi tulang belakang untuk menjayakan program dan mencapai objektifnya. Mereka turut berkolaborasi bersama ahli PPSEAWA Sarawak Chapter dan penduduk kampung bagi membantu dalam menjayakan setiap aktiviti yang telah dirancang.

Antara pengisian program ini adalah sesi perkongsian dan pemindahan ilmu iaitu ceramah dan demonstrasi tentang langkah berkesan untuk mengekalkan kebersihan pantai dan laut, penyerahan bakul makanan kepada 15 orang ibu tunggal dan sesi taklimat dan latihan pengucapan awam dalam Bahasa Inggeris yang disertai oleh para pelajar SMK Santubong. Selain itu, turut dilaksanakan ialah aktiviti pembersihan pantai bersama belia kampung, sesi kecergasan fizikal iaitu Aerodance, pertandingan mewarna kanak-kanak dan demonstrasi membuat kuih tradisional kuih jala untuk golongan wanita.

Program ini diakhiri dengan majlis penutupan yang dihadiri oleh wakil Yang Berhormat Dato Seri Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Kamaluddin Bin Mohd Efendie, Setiausaha Politik kepada Menteri, Dato Hajah Munirah binti Hassan, Presiden PPSEAWA Sarawak Chapter, ahli Jawatankuasa penganjur serta Encik Arif bin Abidin, wakil ketua kampung Santubong. Secara keseluruhannya, program ini telah diadakan dengan jayanya di mana pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dengan penglibatan dari pelbagai lapisan masyarakat tidak mengira bangsa, tahap umur dan sebagainya.

